



MARA intai peluang lahirkan ramai pakar kejuruteraan rel

Oleh [Ilah Hafiz Aziz](#) - April 3, 2023 @ 11:21pm
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

KUALA LUMPUR: MARA meneliti peluang untuk melahirkan pakar dalam bidang kejuruteraan rel susulan permintaan negara yang semakin meningkat dalam industri pengangkutan awam itu, hari ini.

Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata agensi itu mempunyai banyak kelebihan termasuk bakat pelajar dan program pengajian di Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang boleh diketengahkan dalam pasaran kerjaya tempatan.

Bagaimanapun, katanya, fokus utama MARA kekal dalam bidang pendidikan untuk mempersiapkan bakat yang masuk ke dalam pasaran memenuhi kehendak industri.

"MARA bukanlah agensi yang perlu dilambakkan dengan segala masalah dunia yang perlu diselesaikan, tetapi agensi ini bertanggungjawab untuk mempersiapkan pendidikan bukan hanya relevan di bilik darjah tetapi di dalam pasaran kerjaya. Ia melalui nilai tambah dan kemas kini mengikut kehendak industri.

"Di UniKL sendiri kita mempunyai program berkelas dunia dan simulator kejuruteraan rel diiktiraf mengikut penilaian tahap antarabangsa termasuk daripada Institute of Railway Signal Engineers (IRSE) yang berpangkalan di United Kingdom (UK).

"Selain itu, kita juga akan memikirkan langkah untuk menyetengahkan bakat yang dicipta termasuk perancangan untuk menghantar mereka ke luar negara bagi mengikut program sarjana dan doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan.

"Ini bagi memastikan kita bukan sahaja mempunyai pakar dalam industri malah mampu menjalankan penyelidikan untuk dimanfaatkan dalam industri negara," katanya selepas menyaksikan Memorandum Persefahaman (MoU) UniKL dan IRSE, di sini hari ini.

Yang turut hadir adalah Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Charles Hay, Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) MARA, Razlan Samsuri, Ketua Pengarah Keretapi Kementerian Pengangkutan, Mohd Shahrizan Shafein, Presiden IRSE, Andy Knight dan Presiden UniKL, Datuk Dr Roziah Omar.



Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki (kiri) bersama Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Charles Hay (kanan) menyaksikan MoU di antara Presiden IRSE, Andy Knight dan Presiden UniKL, Datuk Dr Roziah Omar. - NSTP/Saifullizan Tamadi



Dari kiri: Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki bersama Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Charles Hay dan Presiden IRSE, Andy Knight meninjau gerabak LRT yang digunakan untuk proses pembelajaran. - NSTP/Saifullizan Tamadi

Mengulas mengenai kerjasama antara IRSE, Asyraf berkata, UniKL akan mengeluarkan sekurang-kurangnya 120 tenaga mahir dalam industri rel dengan kebolehpasaran kerjaya sehingga 100 peratus.

"UniKL adalah satu-satunya pusat pengajian di Asia yang mendapat pengiktirafan daripada IRSE dan paling penting, mereka yang membuat pengajian diploma di sini mempunyai sijil profesional yang diiktiraf dalam bidang itu," katanya.

Beliau berkata, selain mahu menarik ramai bakat tempatan, UniKL juga bersedia untuk menjadi platform pengajian kejuruteraan rel dalam kepada pelajaran antabangsa.

Melalui kerjasama itu, IRSE akan membenarkan UniKL Asia Rail menawarkan kursus IRSE bagi peringkat diploma lanjutan dan sijil kompetensi yang diiktiraf di peringkat global.

IRSE juga akan memberikan akreditasi supaya UNIKL Asia Rail menjadi pusat persijilan sijil profesional isyarat dan telekomunikasi IRSE yang diiktiraf di peringkat United Kingdom dan global.

Bagi pelaksanaan usaha sama strategik ini, MARA turut meluluskan pembiayaan pinjaman pelajaran bagi pelajar di peringkat diploma dengan tempoh pembelajaran yang dinamakan pensijilan IRSE selama tiga tahun.

Apabila tamat pengajian, graduan program ini akan memperoleh dua sijil iaitu Diploma Teknologi Kejuruteraan Sistem Rel dan Sijil Kompetensi IRSE Modul A-Certificate in Railway Control Engineering Fundamentals.



Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki (kiri) dan Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Charles Hay (kanan) selepas menyaksikan MoU UniKL dan IRSE di Kuala Lumpur. - NSTP/Saifullizan Tamadi